

UPM kampus pelancongan

Dipilih sebagai perintis berikutan suasana cantik, menghijau dan dipenuhi pelbagai spesies pokok buah-buahan

>>Oleh Mohd Sabran Md Sani

sab@hmetro.com.my

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menjadi destinasi ekopelancongan popular di negara ini berikutan kesediaan Kementerian Pelancongan menjadikan kawasan berkenaan sebagai projek perintis kepada produk pelancongan kampus.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ng Yen Yen berkata, dengan keluasan kampus kira-kira 1,000 hektar dan dipenuhi pelbagai spesies tumbuh-tumbuhan termasuk 140 klon pokok durian menjadikan pusat pendidikan terbabit sebagai destinasi ekopelancongan terbaik.

"Suasana kampus UPM begitu cantik dan menghijau dengan dipenuhi pelbagai spesies pokok buah-buahan menyebabkan kawasan berkenaan begitu sesuai untuk dijadikan produk pelancongan kampus, pertanian dan ekopelancongan.



REZEKI...Dr Ng (berdiri empat dari kiri) melihat replika KADS1M yang diberikan kepada pelajar baru Fakulti Kejuruteraan UPM, semalam.

"Paling penting, ketika ini tidak ada kawasan lain di negara ini yang mempunyai 140 klon pokok durian dan atas kapasiti serta kelebihan itu menyebabkan universiti

ini dipilih untuk menawarkan produk pelancongan durian dan buah-buahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan majlis

Penyerahan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) dan Pelancaran Kempen Penjimatan Elektrik kepada pelajar baru Fakulti Kejuruteraan UPM di Auditorium

FOTO | Rosela Ismail

rium Jurutera, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Datuk Dr Ong Hong Peng dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Dr Mohd Fauzi Ramli.

Dr Ng berkata, dalam memastikan projek berkenaan dapat dilaksanakan, sebuah jawatankuasa khas dikenali Jawatankuasa Pelan-Industri Pelancongan universiti itu akan ditubuhkan dengan mesyuarat pertama pada Januari tahun depan.

"Jawatankuasa khas itu akan diwakili tiga pihak yang menjadi ahli termasuk wakil dari UPM, Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia dengan fokus perbincangan meliputi program yang akan dilaksanakan dan lokasi sesuai.

"Pada masa sama, penggunaan sumber manusia juga akan dibincangkan dalam jawatankuasa itu dan tumpuan akan diberikan kepada usaha

mewujudkan pemandu pelancong tempatan di kalan-jan pelajar dan kakitangan universiti," katanya.

Berikut itu katanya, usaha mempromosikan program berkenaan akan dilakukan kementeriannya yang mempunyai banyak kemudahan infrastruktur sekali gus menggalakkan kemasukan pelajar baru untuk mengikuti pengajian di UPM.

"Di sini, kita nampak ada inisiatif dan projek perintis baru. Kementerian menjadi rakan kongsi dengan kreatif mentransformasi universiti ini dan melalui pendekatan diambil diharap masyarakat lebih peka serta faham akan makna industri pelancongan.

"Inilah nilai tambah yang diberikan kepada pelajar universiti berkenaan. Pelajar yang berminat menjadi pemandu pelancong boleh mendapat kerja sambilan, manakala kemahiran asas mengenainya akan diberikan kementerian," katanya.